

Kesan Aktiviti Kelab dan Persatuan Pelajar UTM Ke Atas Pencapaian Akademik

N. H. Ngajikin¹, N.A. Murad², M. R. M. Esa³, A. Ahmad⁴, S. M. Idrus⁵ & N.N. N. A. Malik⁶

Fakulti Kejuruteraan Elektrik,
Universiti Teknologi Malaysia,
81310 UTM Skudai

nhafizah@fke.utm.my¹, asniza@fke.utm.my², mona@fke.utm.my³, anita@fke.utm.my⁴,
sevia@fke.utm.my⁵, & noordini@fke.utm.my⁶

Abstrak: Aktiviti kelab dan persatuan merupakan satu landasan yang diharap dapat menyeimbangkan di antara pencapaian akademik dan pembangunan kemahiran generik dalam diri pelajar di sekolah mahupun institusi pengajian tinggi (IPT). Justeru, penglibatan dalam aktiviti kelab dan persatuan dijadikan merit bagi kemasukan ke IPT. Sebilangan majikan juga meletakkannya sebagai salah satu garis panduan untuk mengambil pekerja. Namun demikian, terdapat sebilangan pelajar yang dilihat terlalu obses terhadap kegiatan berpersatuan sehingga memberi kesan negatif kepada pencapaian akademik. Kertas kerja ini melihat perkaitan di antara pencapaian akademik pelajar dan aktiviti kelab dan persatuan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Analisis kesan penglibatan pelajar dalam kelab dan persatuan terhadap kecemerlangan akademik dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu kelab dan persatuan akademik, bukan akademik, agama dan kolej kediaman. Kajian dilakukan dengan melihat perbandingan keahlian kelab dan persatuan dengan pencapaian akademik pelajar. Min statistik penglibatan menunjukkan dalam aktiviti berbentuk akademik mahupun bukan akademik di peringkat universiti dan fakulti adalah hanya sekitar 2.0. Penglibatan pelajar di peringkat kolej kediaman pula lebih rendah pada min 1.67. Penglibatan pelajar mengikut bangsa memperlihatkan jurang perbezaan yang besar bagi pelajar Melayu (PM) dan pelajar Bukan Melayu (PBM) dalam kegiatan akademik dan bukan akademik serta peringkat penglibatan.

1.0 PENGENALAN

Pencapaian akademik yang cemerlang serta mempunyai kemahiran generik merupakan matlamat yang dikejar oleh majoriti mahasiswa di IPT. Persaingan mendapatkan pekerjaan menjadi salah satu faktor yang mendorong pelajar melibatkan diri dalam aktiviti kelab dan persatuan. Namun demikian, terdapat juga sebilangan pelajar yang terlalu aktif hingga menjejaskan pencapaian akademik mereka.

Bahagian pertama kertas kerja ini menganalisa minat pelajar terhadap 4 kategori kelab dan persatuan serta pecahan penglibatan dalam jawatankuasa kelab dan persatuan tersebut mengikut bangsa iaitu pelajar Melayu (PM) dan pelajar Bukan Melayu (PBM). Dalam kajian ini kelab dan persatuan dibahagikan kepada 4 kategori utama iaitu kelab dan persatuan akademik, bukan akademik, agama dan jawatankuasa kolej kediaman.

Bahagian yang kedua pula merupakan kajian terhadap pendapat pelajar dan analisa kadar keaktifan dalam kelab dan persatuan serta kesannya terhadap pencapaian akademik mereka.

2.0 KELAB DAN PERSATUAN PELAJAR

Analisis kecenderungan penglibatan pelajar dalam kelab dan persatuan dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu kelab dan persatuan akademik, bukan akademik, agama dan kolej kediaman. Maklumbalas kajian yang dilakukan ke atas pelajar mendapati kecenderungan pelajar memilih keahlian adalah didorong oleh beberapa faktor iaitu tahap penyertaan aktiviti (antarabangsa, kebangsaan, negeri dan lain-lain), minat terhadap jenis aktiviti tersebut serta pengaruh keadaan sekeliling termasuklah pengaruh rakan sebaya.

Statistik keahlian dan jawatankuasa pelajar kelab dan persatuan UTM bagi tahun 2001, 2003 dan 2005 dikaji untuk melihat minat pelajar serta pecahan mengikut kaum (PM dan PBM). Statistik menunjukkan majoriti ahli jawatankuasa dalam persatuan adalah terdiri daripada PM. Pada tahun 2003,

hanya 5 orang PBM yang terlibat dalam jawatankuasa persatuan berteraskan akademik berbanding 118 PM. Pada tahun 2005, bilangan PBM telah meningkat kepada 73 pelajar. Peningkatan ini memperlihatkan kesedaran tentang kesan positif daripada aktiviti berbentuk akademik. Namun begitu, PM masih memonopoli jawatankuasa ini. Angka ini hanya menonjolkan jawatankuasa pentadbir kelab dan persatuan sahaja. Perangkaan ini seolah-olah menunjukkan fenomena PM yang gemar menjadi pentadbir bagi kelab dan persatuan akademik manakala PBM lebih menonjol dengan penyertaan dalam aktiviti berbentuk akademik diperingkat lebih tinggi seperti Robocon (robot contest), Philips challenge dan lain-lain. Fakta ini disokong oleh kajian terhadap penglibatan pelajar dalam aktiviti peringkat universiti di mana min PBM melebihi PM.

Statistik yang diambil daripada sampel menunjukkan persamaan corak penglibatan mahasiswa berbanding data daripada HEP, UTM bagi penyertaan aktiviti berbentuk akademik. Sampel menunjukkan PM melebihi 0.22 daripada min statistik PBM bagi penggunaan masa dalam aktiviti akademik di luar waktu kuliah. Begitu juga perangkaan bagi kelab dan persatuan bukan akademik. Ahli jawatankuasanya turut dikuasai oleh PM dengan 125 orang berbanding 20 orang PBM pada tahun 2003 dan 213 berbanding hanya 18 PBM pada tahun 2005. PBM semakin berminat dengan kelab dan persatuan akademik berbanding bukan akademik berdasarkan perbandingan statistik pada 2003 dan 2005. Ini menunjukkan wujudnya kesedaran di kalangan PBM tentang kepentingan persatuan berteraskan akademik berbanding faktor minat individu terhadap sesuatu aktiviti.

Kertas kerja ini mengelaskan aktiviti sukan dan riadah sebagai aktiviti bukan akademik. Berbanding aktiviti sukan lasak dan riadah, pertandingan sukan di IPT biasanya dianjurkan selari dengan minggu kuliah yang sedang berjalan. Kegiatan atau latihan sukan kebiasaan dilakukan selepas waktu kuliah (selepas 5 petang). Namun demikian terdapat juga kuliah atau ujian yang terpaksa dilakukan dalam waktu tersebut kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan seperti ketiadaan masa yang sesuai oleh semua pelajar dan lain-lain. Ini menyebabkan sebilangan pelajar yang mementingkan akademik kurang menyertai aktiviti seperti ini. Bagi aktiviti ini, PM masih lagi lebih aktif berbanding PBM dengan perbezaan min sebanyak 0.19. Ini mungkin dipengaruhi oleh gaya hidup pelajar di mana min PM yang melihat kepentingan aktiviti sebagai nilai tambah adalah 0.25 berbanding PBM. Penyertaan dalam aktiviti ini dilihat dapat memberi merit dalam kegiatan ko-kurikulum mereka. Sampel menunjukkan penyertaan dalam aktiviti ini adalah disebabkan minat individu.

Kelab dan persatuan agama merupakan satu lagi platform bagi pelajar untuk berpersatuan. Statistik kelab dan persatuan agama menunjukkan hanya 14 PM yang terlibat berbanding 56 PBM pada tahun 2001. Nilai ini menurun bagi PM pada tahun 2003 kerana hanya satu kelab yang boleh disertai oleh pelajar beragama Islam yang majoritinya adalah PM. Statistik 2005 pula menunjukkan tiada PM yang terlibat dalam jawatankuasa persatuan agama berbanding 13 PBM. Kurangnya penyertaan dalam aktiviti ini berbanding aktiviti lain memperlihatkan sikap mahasiswa yang semakin kurang memberi perhatian terhadap kepentingan agama dalam kehidupan. Implikasi persatuan berbentuk keagamaan sebenarnya amat besar kerana ianya merupakan saluran untuk membentuk mahasiswa yang bersahsiah. Statistik ini juga mungkin didorong oleh tahap aktiviti bagi kelab dan persatuan agama yang tidak terlibat dalam aktiviti-aktiviti diperingkat yang lebih tinggi.

Jawatankuasa Kolej kediaman telah diwujudkan bagi melahirkan sikap kepimpinan dikalangan pelajar. Jawatankuasa ini secara amnya merupakan jawatankuasa yang memimpin dan menyusunatur aktiviti dalam sesebuah kolej. Statistik data HEP menunjukkan penyertaan PBM dalam aktiviti kolej kediaman berada pada min rendah iaitu 1.67. Nilai ini kurang 1.03 berbanding PM. Jurang perbezaan ini adalah sangat besar. Perangkaan bagi jawatankuasa kolej kediaman jelas menunjukkan PM menguasai hampir keseluruhan jawatan dalam persatuan iaitu 191 berbanding 9 PBM pada tahun 2003 dan 329 berbanding hanya 43 PBM pada tahun 2005. Penglibatan pelajar di peringkat kolej kediaman memberikan merit yang lebih rendah berbanding penglibatan di peringkat universiti dan fakulti. Ini mungkin menjadi penyebab kepada PBM kurang aktif di peringkat tersebut. Perangkaan ini positif menunjukkan semangat bermasyarakat dikalangan PM.

3.0 PENGLIBATAN PELAJAR DAN PENCAPAIAN AKADEMIK

Kajian soal selidik yang dijalankan turut melihat penglibatan pelajar dalam aktiviti kampus dan pencapaian akademik mereka dengan mengelaskan pencapaian CPA tinggi (>3.0) dan pencapaian CPA rendah (<3.0).

Secara amnya, perangkaan yang diperolehi menunjukkan kebanyakan PM dan PBM yang terlibat aktif dalam aktiviti yang memberi nilai tambah ijazah dan alam pekerjaan turut mempunyai pencapaian CPA tinggi. Min statistik bagi penglibatan PM dalam aktiviti ke alam kerjaya menunjukkan min bagi CPA rendah adalah sekitar 3.23 dan min bagi CPA tinggi sekitar 3.50. Begitu juga penglibatan PM dalam aktiviti yang memberi nilai tambah yang memberi min bagi CPA rendah sekitar 3.13 dan min bagi CPA tinggi pada 3.27. Perbezaan penglibatan PM yang mempunyai CPA tinggi dan CPA rendah tidak begitu ketara. Ini mungkin kerana rata-rata pelajar sedar akan faedah yang diperolehi daripada aktiviti-aktiviti seumpama ini dapat membantu mereka membina sendiri bagi menghadapi alam pekerjaan.

Penglibatan PM dan PBM yang mempunyai CPA tinggi dalam aktiviti di peringkat universiti tidak menunjukkan perbezaan yang ketara. Namun begitu, perangkaan menunjukkan hampir tiada penglibatan PBM yang mempunyai CPA rendah dalam aktiviti di peringkat universiti. Ini mungkin kerana mereka merasakan tumpuan lebih perlu diberikan pada pelajaran bagi meningkatkan pencapaian berbanding tumpuan bagi tanggungjawab besar yang perlu dipikul bagi aktiviti di peringkat universiti. Penglibatan PM menunjukkan min bagi CPA rendah pada 2.51 dan min bagi CPA tinggi pada 2.50. Walaupun tidak menampakkan perbezaan ketara antara min bagi CPA tinggi dan CPA rendah, namun statistik ini menunjukkan nilai yang jauh lebih rendah berbanding penglibatan dalam aktiviti ke alam kerjaya dan aktiviti yang memberi nilai tambah ijazah.

Penglibatan pelajar di peringkat fakulti turut memberi corak penglibatan yang hampir sama. Hampir 50% pelajar hanya terlibat dalam satu aktiviti sahaja dan bilangannya menjunam bagi penglibatan lebih daripada 3 aktiviti. Penglibatan PM dalam aktiviti di peringkat fakulti menunjukkan min bagi pencapaian CPA rendah pada 1.99 manakala min bagi CPA tinggi pada 2.03.

Hasil soal selidik menunjukkan tidak ramai PBM yang berminat dalam aktiviti di peringkat kolej jika dibandingkan dengan PM. Penglibatan PM di peringkat kolej menunjukkan min bagi CPA rendah lebih tinggi iaitu pada 3.43 berbanding min bagi CPA tinggi pada 2.85. Perangkaan ini seolah-olah menunjukkan aktiviti kolej dikuasai oleh pelajar yang mempunyai CPA rendah. Kajian semula mungkin diperlukan bagi aktiviti-aktiviti di kolej supaya peranannya turut membantu pelajar dalam meningkatkan pencapaian akademik mereka.

Aktiviti sukan selalu dikaitkan dengan kecergasan fizikal yang dapat membantu kecergasan minda. Min penglibatan PM dengan CPA tinggi adalah 2.74, lebih 0.23 berbanding min penglibatan PM dengan CPA rendah.

4.0 KESIMPULAN

Kita seringkali disogokkan dengan kenyataan bahawa pencapaian PM jauh ketinggalan berbanding dengan PBM. Selaras dengan kenyataan yang telah dibuat, satu kajian telah dijalankan FKE dan ia menunjukkan senario ini ada benarnya. Daripada kajian ini didapati beberapa faktor turut mempengaruhi senario ini. Aktiviti kelab dan persatuan dilihat dalam bentuk akademik dan bukan akademik. Perbezaan amat ketara antara jumlah penglibatan PM dan PBM terutama aktiviti di peringkat kolej kediaman. PM dilihat lebih berminat untuk menyertai aktiviti – aktiviti di kolej kediaman berbanding PBM. Statistik juga menunjukkan min penglibatan PM dengan CPA rendah lebih tinggi berbanding PM dengan CPA rendah. Pengurusan masa yang tidak teratur dan tumpuan yang lebih pada aktiviti berkenaan mungkin menjadi salah satu sebab pencapaian akademik yang kurang memberangsangkan. Walaubagaimanapun faktor ini bukanlah suatu masalah jika pelajar berkenaan tahu membahagi – bahagikan masa mereka dengan

sempurna. Ini kerana rata-rata pelajar setuju bahawa penglibatan mereka di dalam aktiviti berpersatuan atau bukanlah suatu paksaan. Aktiviti-aktiviti berbentuk akademik di kolej kediaman mungkin boleh disusun agar dapat membantu para pelajar ini meningkatkan pencapaian mereka. Kerjasama juga mungkin boleh diwujudkan antara fakulti berkenaan dan kolej-kolej kediaman.

Selain itu, hubungan antara pelajar *senior* dan *junior* juga memainkan peranan penting dalam menggarap kecemerlangan akademik. Namun demikian sikap sebahagian besar PM tidak mengambil peluang untuk mewujudkan kerjasama dalam usaha meningkatkan pencapaian akademik. Mereka gemar meminta pertolongan dari senior tetapi tidak dalam membantu junior yang lebih memerlukan. Oleh itu keakraban hubungan di antara pelajar senior dan junior perlu ditingkatkan. Justeru, usaha dalam menerapkan budaya kerjasama dan saling membantu di antara PM perlu dilakukan secara berterusan. Integrasi antara PM dan PBM juga perlu dititikberatkan untuk mencapai keseimbangan pencapaian akademik PM dan PBM. Hubungan akademik ini mungkin boleh dilaksanakan melalui kegiatan aktiviti di luar kelas.

Kesimpulannya, usaha-usaha berterusan perlu dilakukan dalam usaha membangunkan pelajar. Penambahbaikan perlu dilaksanakan ke arah pencapaian yang lebih baik. Kajian terperinci mungkin boleh dilakukan dengan mengambilkira faktor-faktor yang memberi kesan terhadap perbezaan pencapaian PM dan PBM. Antaranya faktor kewangan, sistem, sikap, cara berfikir, latar belakang budaya, gaya hidup dan sebagainya. Begitu juga dari segi sampel yang diambil. Kaji selidik ini hanya tertumpu pada sampel yang diambil di dalam FKE sahaja. Adalah lebih menyeluruh sekiranya sampel pelajar melibatkan kesemua pelajar UTM. Usaha pbaikan berterusan perlu dilaksanakan bagi mengoptimumkan hasil kajian seperti ini. Semoga usaha untuk membantu pelajar mencapai kejayaan yang lebih baik dapat diteruskan tanpa henti demi masa depan pelajar itu sendiri.

5.0 RUJUKAN

- [1] Mark L. Berenson, *et.al*, "Intermediate Statistical Methods and Applications", Prentice Hall, 1983.
- [2] Hal Ehwal Pelajar, UTM, "Senarai Nama Ahli Jawatankuasa Persatuan dan Kelab Pelajar UTM Tahun 2001,2003,2005".

